



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

(Agensi MeCD)

GP5: GARIS PANDUAN MEWAJIBKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI MENGHADIRI KURSUS

TUJUAN

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993, yang bertujuan untuk mewajibkan semua Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) menghadiri Kursus Pentadbiran, Pengurusan dan Perundangan Koperasi seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

LATAR BELAKANG

2. Berdasarkan kepada persekitaran operasi koperasi, ALK memerlukan pengetahuan dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Keperluan kepada ilmu pengetahuan ini telah diberi penekanan oleh Akta Koperasi 1993 yang menetapkan kuasa dan tanggungjawab Lembaga yang pada umumnya berkuasa untuk mengurus dan mengawasi sumber dan aset koperasi dengan cekap dan berkesan. Dalam melaksanakan hal ehwal sesuatu koperasi, ALK dikehendaki berhemat dan bertekun seperti ahli-ahli perniagaan yang biasa dan hendaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian yang ditanggung oleh sebab kegagalan mereka berhemat dan bertekun itu seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 45(1) Akta Koperasi 1993.

3. Koperasi yang melantik pengurus atau kakitangan untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal koperasi, Akta Koperasi tidak mengecualikan ALK daripada liabiliti dan tanggungjawab tersebut. Bagi memastikan perjalanan koperasi mengikut matlamat dan peruntukan perundangan, JAD juga perlu memainkan peranannya seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil dan Garis Panduan.

4. ALK dan JAD juga perlu peka dengan kehendak perundangan koperasi dan perundangan lain dalam mentadbir dan mengurus koperasi supaya koperasi dapat bergerak dalam landasan yang betul.

Bagi membolehkan ALK dan JAD menjalankan kuasa dan tanggungjawab terhadap koperasi dengan baik dan berkesan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta, Peraturan dan Undang-Undang Kecil serta undang-undang lain yang berkaitan, garis panduan ini dikeluarkan untuk mencapai maksud di atas.

KURSUS

5. (1) ALK diwajibkan menghadiri kursus berikut:

(a) Kursus Perundangan

(i) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;

(ii) Akta Koperasi 1993;

(iii) Peraturan-Peraturan Koperasi 2008;

(iv) Peraturan-Peraturan lain yang dikeluarkan oleh SKM;

(v) Garis Panduan; dan

(b) Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi

- (i) Prinsip, konsep dan falsafah koperasi;
- (ii) Pengurusan dan pentadbiran koperasi;
- (iii) Tugas dan tanggungjawab ALK;
- (iv) Perakaunan dan kewangan koperasi;
- (v) Keusahawanan; dan
- (vi) Jati diri.

(2) JAD diwajibkan menghadiri kursus berikut:

(a) Kursus Perundangan dan Pengurusan Koperasi

- (i) Perundangan koperasi;
- (ii) Prinsip, konsep dan falsafah koperasi;
- (iii) Pengurusan dan pentadbiran koperasi; dan

(b) Kursus Tatacara Pengauditan dan Perakaunan Koperasi

- (i) Tatacara audit;
- (ii) Tugas dan fungsi JAD; dan
- (iii) Perakaunan kewangan koperasi.

6. ALK dan JAD yang menghadiri kursus akan diberi sijil dan ianya sah selamanya.

7. Kursus di atas hendaklah diikuti dalam tempoh lantikan selepas seseorang itu dilantik sebagai ALK atau JAD.

BADAN PELAKSANA

8. Bagi mengendalikan kursus wajib, Suruhanjaya telah menetapkan dua organisasi berikut sebagai badan pelaksana yang diiktiraf iaitu:

(a) Maktab Kerjasama Malaysia (MKM); dan

(b) Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

9. ALK dan JAD adalah bertanggungjawab untuk menghubungi pihak-pihak yang menjalankan kursus iaitu MKM atau ANGKASA untuk memaklumkan tentang pelantikan mereka serta hasrat untuk mengikuti kursus yang disyaratkan.

10. Bagi tujuan pemantauan, MKM dan ANGKASA sebagai badan pelaksana hendaklah memaklumkan kepada SKM setiap kali kursus selesai dilaksanakan.

11. Koperasi bertanggungjawab melaporkan kepada SKM Negeri kursus wajib yang telah dihadiri oleh ALK dan JAD dalam tempoh **tiga puluh** hari daripada tarikh tamat kursus dan menjadi satu kesalahan sekiranya tidak memaklumkan kepada SKM. Contoh laporan adalah seperti di **Lampiran 1**.

PENGECUALIAN

12. ALK dan JAD yang telah mengikuti kursus wajib yang dinyatakan di para 5 garis panduan ini sebelum pelantikan mereka adalah dikecualikan daripada menghadiri kursus wajib.

13. ALK dan JAD yang telah menghadiri kursus-kursus lain yang mempunyai taraf yang sama dengan kursus yang diwajibkan perlu memohon kepada Suruhanjaya untuk pengecualian seperti format yang di **Lampiran 2**. Suruhanjaya mempunyai kuasa untuk memberi pengiktirafan kepada kursus berkenaan sebagai satu kursus wajib dan mengecualikan pihak berkenaan daripada garis panduan ini.

14. Segala permohonan untuk mendapat pengecualian daripada Suruhanjaya hendaklah dimajukan dalam tempoh **dua** bulan daripada tarikh pelantikan. Sekiranya permohonan tidak dikemukakan atau sekiranya permohonan mereka tidak diluluskan, mereka hendaklah mematuhi segala arahan dalam garis panduan ini.

15. ALK dan JAD bagi koperasi sekolah dikecualikan daripada menghadiri kursus wajib. Walaubagaimanapun, mereka adalah digalakkan untuk menghadiri kursus-kursus sepertimana di para 5 garis panduan ini.

KETIDAKPATUHAN

16. ALK yang gagal untuk menghadiri kursus seperti di para 7 Garis Panduan ini dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah meletak jawatan atau gugur di dalam mesyuarat agung tahunan akan datang dan mereka tidak layak untuk dilantik semula sebagai ALK selama tempoh **tiga** tahun sehingga telah menghadiri kursus wajib atau setaraf dengannya.

ALK yang tidak mematuhi arahan ini adalah bersalahan dengan perenggan 91(1)(b) Akta Koperasi 1993 di mana mereka abai atau enggan melakukan sesuatu perbuatan seperti yang dikehendaki oleh Suruhanjaya dan mereka boleh didenda di bawah subsekyen 91(2) Akta Koperasi 1993.

17. JAD yang gagal untuk menghadiri kursus seperti di para 7 garis panduan ini dalam tempoh yang ditetapkan hendaklah ditamatkan perkhidmatannya oleh ALK.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA

18. Pekeliling Ketua Pendaftar Bil. 1 Tahun 2002 bertarikh 1 Oktober 2002 dimansuhkan.

19. Semua koperasi dikehendaki mematuhi garis panduan ini dan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”


(DATO' MANGSOR BIN SAAD)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: **6 MAC 2009**

“PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI”

LAMPIRAN 1

Nama

Alamat

.....
.....
.....

Tarikh:

Pengarah SKM Negeri.....

.....
.....

Tuan,

LAPORAN MENGHADIRI KURSUS WAJIB MENGIKUT GP5: GARIS PANDUAN MEWAJIBKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI MENGHADIRI KURSUS BAGI KOPERASI BERHAD

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan laporan kursus wajib yang telah dihadiri oleh ALK dan JAD seperti berikut:-

| Bil. | Nama | Jawatan Dalam Koperasi | Tarikh | Agensi Pelaksana |
|------|------|------------------------|--------|------------------|
| | | | | |

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

Yang benar,

[**Setiausaha**]

Nama dan Cop Koperasi

s.k Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 5, 6 & 7, Blok J
Pusat Bandar Damansara
50608 Kuala Lumpur.
(up: Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

LAMPIRAN 2

Nama

Alamat

.....
.....
.....

Tarikh:

Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Tingkat 5, 6 & 7, Blok J
Pusat Bandar Damansara
50608 Kuala Lumpur.

Tuan,

MEMOHON PENGECUALIAN MENGHADIRI KURSUS WAJIB MENGIKUT GP5: GARIS PANDUAN MEWAJIBKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI MENGHADIRI KURSUS

Saya adalah dengan hormatnya merujuk perkara di atas yang mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi menghadiri Kursus Wajib.

2. Saya telah dilantik menjadi Anggota Lembaga Koperasi / Jawatankuasa Audit Dalam koperasi Pada**(tarikh)** Mengikut Garis Panduan di atas saya dikehendaki menghadiri kursus**(nyatakan kursus)**..... dalam masa enam bulan dari tarikh saya dilantik. Oleh yang demikian saya ingin memohon pengecualian daripada menghadiri kursus mengikut para 5 kepada Garis Panduan tersebut kerana saya telah menghadiri kursus-kursus yang berkenaan. Di bawah ini disenaraikan kursus yang telah saya hadiri:-

| Nama Kursus | Tarikh | Agensi Yang Menganjurkan Kursus |
|-------------|--------|---------------------------------|
| | | |

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”**

Saya yang menurut perintah,

[**Nama Pemohon**]
Jawatan Dalam Koperasi
Nama Koperasi

s.k Pengarah SKM Negeri.....